

CARA ISLAM TANGANI KONFLIK

MENJAUHI KEROSAKAN



Bersama
**Dr Wan Zulkifli
Wan Hassan**



etiap anggota masyarakat mempunyai pemikiran, kemahiran dan bakat yang berbeza dan mampu membentuk jaringan sosial yang baik sesama mereka. Namun, kadang-kadang mereka berhadapan dengan konflik dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat, berekonomi dan berpolitik. Mereka yang berkonflik tidak semestinya bermusuhan, tetapi mereka yang bermusuhan sudah tentu berkonflik.

Kategori konflik

Ulama mengklasifikasikan konflik kepada dua bahagian iaitu konflik yang tercela dan konflik yang harus. Konflik yang tercela ialah apabila manusia ingin berkonflik dalam perkara yang boleh menyebabkan berlakunya pelanggaran atau pengabaian terhadap peraturan dan hukum yang ditetapkan syarak sama ada melalui al-Quran atau hadis. Larangan tersebut untuk mengelak masyarakat daripada terjebak ke dalam kemunggaran kepada Allah SWT. Hal ini berlaku adalah disebabkan kejahilan masyarakat terhadap hukum syarak.

Virus kejahilan ini boleh merancakkan lagi konflik dalam kalangan masyarakat. Konflik tercela ini juga berlaku adalah disebabkan kezaliman dan sikap ekstrem sehingga menimbulkan permusuhan dan dengki antara satu sama lain. Selain itu, sikap mengikut hawa nafsu dan budaya persepsi salah mendorong masyarakat berkonflik dengan cara tidak sihat.

Adapun konflik yang dibenarkan Islam adalah jika sekiranya ia melibatkan sesuatu perkara yang tidak dinyatakan secara jelas dan tetap di al-Quran atau hadis Rasulullah SAW tentang larangannya. Ini termasuk konflik yang dianggap positif dan membina. Bukan konflik yang boleh menimbulkan mudarat kepada masyarakat. Namun masyarakat perlu memenuhi syarat tertentu jika wujud konflik.

Antaranya konflik tersebut berlaku dalam kalangan orang mempunyai kefahaman dan pengalaman yang mendalam dalam sesuatu bidang terutama yang berkaitan agama agar tidak terkejar daripada batas yang dibenarkan syarak. Selain itu, konflik yang berlaku mestilah berieger dalam perkara tidak



KONFLIK wujud dalam masyarakat dan susah untuk dihapuskan, tetapi dapat diminimumkan pada satu tahap yang tertentu dan terkawal.

menjejaskan prinsip agama dan akhlak serta bertujuan mencari kebenaran dan kesejahteraan. Islam mencadangkan beberapa langkah yang perlu diambil dan ditangani oleh masyarakat apabila berhadapan dengan konflik dalam kalangan masyarakat.

Kenal pasti dan berilmu

Islam menyarankan agar mengenal pasti masalah konflik, bina personaliti dan berilmu dalam menghadapi konflik. Mengenal pasti sesuatu permasalahan adalah tindakan bijak dan berhati-hati sekali gus akan memadamkan perasaan dendam kesumat, jiwa bebas daripada baru permusuhan sekali gus dapat menjaga diri seseorang daripada kejahatan.

Dalam menangani konflik, penekanan yang sewajarnya diambil seseorang ialah bekalan ilmu pengetahuan agar konflik dapat ditangani dengan lebih berkesan. Ini kerana orang yang berpengetahuan akan berbicara atau berkomunikasi dengan individu yang lain dalam bentuk yang baik dan tersusun. Berbeza dengan mereka yang tidak mempunyai pengetahuan akan berbicara menurut mentalitinya yang ada tanpa panduan ilmu yang jelas.

Kawal emosi dan tolak ansur

Islam juga menyarankan agar seseorang dapat mengawal emosinya dan bertolak ansur dengan bermunis muka meskipun terhadap individu yang dibenci

mengastingkan dan cuba mengelakkan diri dari terjebak dalam kancas konflik tersebut. Langkah tersebut lebih baik daripada bergaul dengan orang yang mempunyai niat jahat.

Oleh sebab itu, Islam menyarankan manusia agar mencari sahabat yang bertakwa dan budiman. Jika tidak diperoleh, langkah sewajarnya adalah hidup menyendiri dan elak daripada bergaul dengan orang jahat dan orang yang tidak tahu membezakan yang baik dan buruk.

Dalam mengrapai kejayaan dalam matlamat kehidupan, seseorang manusia tidak akan menjalinkan hubungan yang baik dengan individu jahat yang boleh mendorongnya ke arah kesesatan dan kemusnahan dalam kehidupan. Betapa buruk implikasinya terhadap diri seseorang sehingga seorang sarjana Islam membuat suatu perumpamaan yang cukup menggerunkan apabila dia lebih sanggup bertemankan anjing daripada manusia yang jahat dan merosakkan kehidupan manusia.

Ini kerana sebina-hinanya anjing pun, ia masih dapat menunjukkan jalan untuk tuannya yang tersesat, tidak seperti manusia jahat dan tidak menunjukkan perubahan ke arah kebaikan, maka selamanya dia tidak akan memberi petunjuk kepada orang lain. Justeru, disarankan agar seseorang menyelamatkan dirinya dan menjaga lidahnya kerana dengan demikian tentu dia akan hidup bahagia walaupun terpaksa hidup sendiri.

Konflik wujud dalam masyarakat dan susah untuk dihapuskan, tetapi dapat diminimumkan pada satu tahap yang tertentu dan terkawal. Islam mengutarakan cara bagaimana untuk mengurangkan konflik yang negatif disebabkan oleh kemudaratan yang timbul dari konflik berkenaan.

Walaupun bagaimanapun, konflik juga mempunyai kebaikan kerana ia berfungsi untuk meningkatkan pemikiran dan keberkesanan bermasyarakat. Kadang-kadang rangsangan konflik menyebabkan pihak terlibat akan mencari kaedah dan strategi baru untuk tujuan pembaharuan dan peningkatan prestasi hidup bermasyarakat. Justeru, Islam menyarankan manusia agar menyelamatkan diri mereka, menjaga lidah dan megelak konflik negatif dan permusuhan supaya masyarakat akan hidup bahagia.

Penulis adalah Pensyarah Kanan Pusat Citra Universiti dan Felo Berselaku Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)



AL-HAQ
Sehari sepotong ayat

"Dan apabila orang-orang yang beriman lalu dekat mereka, mereka mengerling dan memejam celikkan mata sesama sendiri (mencemuhnyal)." (Surah al-Mutaffifin, ayat 30)

seolah-olah hatinya penuh dengan kasih sayang. Tinggalkan persepsi jahat terhadap seseorang dan tidak perlu diulangnya lagi. Ini dapat dilakukan dengan cara berunding dan cuba mencari kepuasan dan penyelesaian yang boleh diterima. Sekurang-kurangnya mencari penyelesaian sementara bagi isu yang agak kompleks.

Dengan cara saling menghormati, tidak membuat persepsi negatif, mencerca dan membenci di antara satu sama lain. Ini kerana sesiapa menghormati orang lain, tentulah dia akan dihormati. Begitu juga barang siapa menghina orang lain, tentulah dia juga akan dihina.

Antara pendekatan yang dikemukakan oleh Islam dalam menghadapi konflik yang tidak mampu ditangani adalah dengan